

BAB SATU

BAB I

PENDAHULUAN

PAS adalah satu nama yang tidak asing lagi di kalangan masyarakat Malaysia pada masa ini. PAS adalah singkatan dari Parti Islam Se Malaysia,¹ dan salah satu daripada parti-parti pembangkang kepada kerajaan Barisan Nasional yang memerintah. BN² adalah terdiri daripada gabungan parti UMNO³, MCA⁴, MIC⁵ dan beberapa parti politik kecil yang lain. Perjuangan

¹ Nama Parti Islam Se Malaysia pada awal penubuhannya adalah atas nama Persatuan Alim Ulama Se Malaya, kemudian dalam mesyuaratnya yang ke III namanya ditukar kepada Persatuan Islam Se Malaya. Seterusnya dalam muktamar Persatuan Islam Se Malaya pada 25-27 Disember 1958 namanya ditukar kepada Persatuan Islam Se Tanah Melayu dan pada tahun 1971 sekali lagi namanya ditukar kepada Parti Islam Se Malaysia, nama ini kekal hingga ke hari ini.; Ibnu Hasyim, (1993), **1950-2000 Sejarah Kebangkitan Dan Masa Depan PAS Kuasai Malaysia**, Shah Alam, Selangor, Brother Press Ltd. Part, hal. 29; Tarmizi Mohd Jam, (1992), **Masa Depan PAS Johor**, t. pt., hal. 11-12; Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS, (1999), **PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan**, Shah Alam Selangor, Angkatan Edaran ENT Sdn. Bhd., hal: 7.

² BN adalah singkatan daripada Barisan Nasional ianya ditubuhkan pada tahun 1973 dan dianggotai oleh parti UMNO, MCA, MIC dan beberapa parti politik kecil yang lain. Pada asalnya PAS juga menganggotai BN tetapi pada 13 Disember 1977 PAS dipecat oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional daripada BN atas alasan kerana PAS enggan mematuhi keputusan Dewan Tertinggi Barisan Nasional agar parti itu memecat anggota Parlimennya yang tidak mematuhi arahan Whip Barisan ketika Rang Undang-undang meletakkan Kerajaan Kelantan dibawah 'pentadbiran darurat'. = R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, (1982), **Politik Dan Kerajaan Di Malaysia**, Kuala Lumpur, Utusan Printcorp Sdn. Bhd, hal. 46.; Subky Latif, (1984), **Kumpulan Fokus Subky Latif Isu 1977**, Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd, hal. 183-184; `Abd al-Hādi Awāng, (1997), **Al-Şirā` Baina al-Islām Wa al-'Ilmāniat Fi Māliziā**, Al-Qāherat, Dār Ṭaba`at Wa al-Nashar al-Islāmiat, hal 50; Suhaimi Mokhtar, (1981), **Warisan Pimpinan UMNO**, Petaling Jaya, Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd, Petaling Jaya Selangor, hal. 35 & 54; Amaluddin Darus, (1978), **Lintasan Politik Malaysia**, t.pt., hal: 37.

³ UMNO adalah sigkatan dari Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, dalam bahasa Inggerisnya ialah United Malays National Organisation, ianya ditaja oleh Kongres Melayu 1946. UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar Johor Bahru setelah diasaskan pada awal bulan Mac 1946 dalam satu Kongres Persatuan Pertubuhan Melayu di Kuala Lumpur dan Presidennya yang pertama ialah Dato' Onn Jaafar. Ianya ditubuhkan adalah dari hasil pengharaman pertubuhan-pertubuhan politik Kebangsaan dan Kiri oleh Penjajah Inggeris. Diantara tujuan utama penubuhannya ialah untuk menentang Malayan Union yang ditaja oleh Penjajah Inggeris pada masa itu. Dasar UMNO ialah Demokratik Nasionalisme. Ia pernah diharamkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan Pendaftar Pentadbiran pada 4 Februari 1988 kerana dikatakan pendaftarannya tidak sah, namun begitu ianya diperbaharui semula oleh Perdana Menteri Dr. Mahatir Muhammad pada 13 Februari 1988. = **Ibid.** hal. vii.; R.S Milne dan Diane K. Mauzy, **op.cit**, hal. 37 & 159-160; Ainol

yang dibawa oleh PAS adalah rintitan daripada perjuangan para Rasul dan Nabi-nabi, bermula dari Nabi Adam A.S. sehinggalah kepada Nabi Muhammad S.A.W, seterusnya disambung oleh Khulafa' ar Rasyidin, kerajaan-kerajaan Islam selepas mereka seperti kerajaan Umaiyyah, kerajaan Abbasiyyah dan kerajaan Uthmaniyyah di Turki yang jatuh pada tahun 1924 M di tangan pejuang terbesar sekularisme Mustaffa Kamal Atatürk⁶. Ini boleh difahamkan bahawa PAS adalah merupakan sebuah kumpulan yang anggotanya terdiri dari kalangan orang Islam atau boleh juga disebut Jamaah Muslimin. Tugas yang dibawa oleh Jamaah Muslimin ialah mengambil alih

Jamal, (1988), **Melayu Berpecah Dalam UMNO Kerana Pemimpin Tamak**, Kuala Lumpur, Percetakan Berpadu Sdn. Bhd, hal. I; Suhaimi Said (Hj.), (1988), **Jerangkap Samar UMNO**, Petaling Jaya, Syarikat Prema, hal. 4 & 11; Ismail Awang, (1982), **Zulkifli Muhammad Sejarah Dan Karyanya**, Kota Bahru, Kelantan, Mahlihi Press, hal. 139; Buyong Adil (Hj.), (1985), **Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19**, Kuala Lumpur, Percetakan Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 252; Abd al-Hadi Awang, **op.cit.**, hal. 25; Amaluddin Darus, **op.cit.**, hal: 19-20 & 28 & 82; Suhaimu Mokhtar, **op.cit.**, hal: 2; Ramlah Adam,, Syarikat Chip Seng Trading Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, hal: 12 & 24; Panal Pengkaji Sejarah, **op.cit.**, hal: 3; Ahmad Lutfi Othman, (1992), **Selepas Mahathir Peluang PAS**, t. pen., hal: 28.

⁴ MCA adalah singkatan daripada Malaysian Chinese Association dalam bahasa Malaysia ialah Persatuan Cina Tanah Melayu. MCA ditubuhkan pada bulan Februari 1949, Yang Dipertuanya yang pertama ialah Tan Cheng Lock. R.S Milne dan Diane K. Mauzy, **op.cit.**, hal 44; Suhaimi Mokhtar, **op.cit.**, hal. 20; Amaluddin Darus, **op.cit.**, hal: 27.

⁵ MIC adalah singkatan dari Malaysian India Congress dan dalam bahasa Malaysia ialah Kongress India Tanah Melayu. MIC ditubuhkan pada tahun 1954. R.S Meine dan Diane K. Mauzy, **op.cit.** hal 44; Suhaimi Mokhtar, **op.cit.**, hal. 36.

⁶ Mustaffa Kamal Atatürk berasal dari Donmah, beliau adalah seorang yang berfahaman sekularisme, Barat telah mempergunakannya untuk menjatuhkan kerajaan Othmaniyyah di Turki, akhirnya kerajaan Othmaniyyah jatuh ditangannya pada tahun 1924 M. = Mustaffa Şabî, (1981), **Mauqif al-Aql Wa al-'Ilmi Wa al-'Ālam Min Rab al-'Ālamīn Wa 'Ibād al-Mursalīn**, Bairūt, Dār lhyā al-Turāth al-'Arabī, jil. 4, hal. 81-84; Fadzil Mohd Noor (Dato' Hj.), Ucapan Dasar Presiden PAS Mukhtamar Tahunan Ke 44, **Bertekad Mencapai Kemenangan**, pada 15, 16 & 17 Mei 1998, Markas Tarbiyah PAS Pusat Taman Melawar Kuala Lumpur, hal. 8; Fadzil Mohd Noor (Dato' Hj.), Ucapan Dasar Mukhtamar Tahunan PAS Ke 40, **Ulama Teras Kepimpinan Ummah**, pada 10, 11 & 12 Jun 1994, Masjid Rusila, Marang Terengganu, hal. 11; 'Abdullāh Nāsih 'Ulwān, (1987), **Māzā 'An al-Şahwat al-Islāmiyat Fi al-'Asr al-Hadīth**, Al-Qāherah, Dār al-Salām, hal. 9.

tugas yang ditinggalkan oleh para Nabi sehinggalah Nabi Muhammad S.A.W.⁷

Menyedari hakikat ini, PAS terus bergerak memikul amanah dengan penuh yakin, bahawa agama Islam dapat bersinar semula. PAS cuba menyemai semula Islam ke dalam diri individu muslim, khususnya masyarakat Islam di Malaysia. Gerakan ini adalah kesan daripada kedatangan Islam di Asia Tenggara dan penyebarannya oleh pedagang-pedagang Islam yang bermula pada seawal-awal abad ke 8M. PAS terus bergerak melalui gerakan reformasi dalam usaha menentang dan membenters diri individu dan negara dari dijajah oleh pemikiran Barat dari segi politik, ekonomi dan sosial. Gerakan reformasi yang dibawa oleh PAS adalah sebagai kesinambungan dari usaha yang telah lama dipelopori oleh para ulama terdahulu, seperti Syed Jamaluddin Al-Afgani, Syeikh Muhammad Abduh, Ibnu Taimiyyah, Syed Rasyid Ridha, Hassan Al-Banna dan ramai lagi.⁸

Perjuangan PAS semenjak awal penubuhan lagi telah dipimpin oleh barisan ulamak. Oleh kerana itu ia telah mendapat sokongan rakyat, ini terbukti dari kejayaannya memerintah negeri Kelantan dan Terengganu pada

⁷ Harun Taib (Ust.), (1992), **Berbilang-Bilang Jamaah – Sebab-Sebab Dan Beberapa Saranan Untuk Mengatasinya**, Selangor, The Commercial Press Sdn. Bhd, hal. 21-23; Buku Cenderahati Muktamar Tahunan PAS Ke 44, Taman Melewar, Kuala Lumpur, 15-17 Mei 1998, **Kata-kata Aluan Mursyidul Am PAS**, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, hal. 2; Fadzil Mohd Noor (Ust. Hj.), 1992, **Aqidah Dan Perjuangan**, Kuala Terengganu, Pustaka Sinaran, hal.138; Harun Taib, (1994), **Muslimat Pembangun Ummah**, Selangor Darul Ehsan, The Commercial Press Sdn. Bhd., hal. 87.

⁸ Abdullah Ishak (Dato' Hj.), (1992), **Islam Di Nusantara**, Kuala Lumpur, Bahagian Hal-Ehwal Islam, Pusat Islam Kuala Lumpur, hal. 55; Ibnu Hisyam, **op.cit**, hal. 16.

satu ketika dulu. Namun demikian dalam beberapa dekat kedudukan ulamak dalam PAS tidak lagi diutamakan mengakibatkan sokongan dari rakyat berkurangan. Akhirnya perjuangan PAS kembali bersinar apabila kepimpinannya kembali dipimpin oleh para ulama setelah ia dipimpin oleh pemimpin yang berfahaman nasionalis. Ia bermula pada tahun 1982 dipimpin oleh Tuan Guru Haji Yusuf Rawa sehingga tahun 1989 dan disambung oleh Ustaz Haji Fadhil bin Noor hingga sekarang [1999]. Namun begitu, PAS yang dipimpin oleh ulama dan disokong oleh pencinta Islam ini sering dikaitkan dengan tindakan pelampau dan pemecah masyarakat. Tuduhan-tuduhan seperti ini bukanlah baru bagi gerakan-gerakan Islam, malah ia telah berkurun lamanya. Tuduhan yang sama juga dilontarkan kepada gerakan-gerakan Islam di seluruh dunia seperti Ikhwan Muslimin di Mesir, Jamaat Islami di Pakistan, Gerakan Hamas di Palestin, Gerakan Hizbul Salama di Turki dan Parti Islam FIS di Algeria. Namun begitu, apa jua tuduhan yang dilemparkan terhadap PAS, ia tetap meneruskan perjuangannya. Ini kerana, PAS telah lama melalui jalan yang bukan mudah, bahkan banyak daripadanya diselerakkan dengan rintangan dan sekatan. Ada di antara pemimpin serta penyokong PAS yang dipenjarakan seperti Dr. Burhanuddin bin Haji Muhammad Noor⁹, ada yang dibuang daerah seperti Ustaz Abdul Latif¹⁰ dan ada juga yang dikatakan terbunuh setelah berlaku pergelutan diantara

⁹ Dr. Burhanuddin dilahirkan di Changkat Tualang Kota Bharu Perak pada 29 Ogos 1911. Dalam Muktamar Tahunan PAS Ke V pada tahun 1956 beliau dilantik menjadi Yang DiPertua PAS. Beliau berfahaman nasionalis, ini kerana sebelum ia menyertai PAS ia menyertai PKMM dan pernah dipenjarakan oleh kerajaan yang memerintah sehinggalah beliau mati di dalam penjara. *Ibid.* hal. 83; 'Abd al-Hādī Awāng, *op.cit.*, hal. 27; Ibn Hashim, *op.cit.*, hal: 76.

¹⁰ Ust. Abdul Latif adalah merupakan bekas Wakil Rakyat DUN Jertih, beliau pernah di buang daerah dari Terengganu ke Perak. = **Tamubual** bersama Faizuri Abdul Latif (anak Ust. Abdul Latif), 26 tahun, Kg. Gong Kemunting, Jertih, Besut, Terengganu, tarikh: 16 Okt. 1998, masa: 10.00 pagi.

pasukan keselamatan seperti Ustaz Ibrahim Libya dan empat belas orang penyokongnya turut terbunuh.¹¹ Walaubagaimana pun PAS tetap teruskan perjuangannya berasaskan pada firman Allah SWT yang bermaksud :

وَإِذْ يَمْكُرُ بِكَ

الَّذِينَ كَفَرُوا لِيُثْبِتُوكَ أَوْ يَقْتُلُوكَ أَوْ يُخْرِجُوكَ وَيَمْكُرُونَ وَيَمْكُرُ

اللَّهُ وَاللَّهُ خَيْرٌ الْمَكْرِينِ ﴿٣٠﴾

"Dan ingatlah, ketika orang-orang kafir memikirkan sedaya upaya terhadapmu untuk menangkap dan memenjarakanmu atau membunuhmu atau mengusirmu. Mereka itu merancang dan Allah juga merancang dan Allah lah sebaik-baik yang merancang".¹²

PAS tempuhi segala rintangan ini dengan penuh tabah, bersenjatakan keimanan dan keyakinan bahawa memperjuangkan kebenaran akan mendapat pertolongan Allah dan Islam akan mencapai kemenangan dan bersinar kembali di muka bumi ini dengan izin Allah S.W.T.

¹¹ T. p., (1985), **Percikan Darah Syuhada'**, Suara Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Percetakan Syarikat Al-Muslimah, hal. 20; T.p., (1409H), **Revolusi Ustaz Ibrahim Libya**, Hari Syuhada Memali, Kuala Lumpur, Lujnah Politik PAS Keramat Luar, hal. 6; Fadzil Mohd Noor (Ust. Dato' Hj.), **op.cit**, hal. 108; Ibnu Hashim, **op.cit**, hal. 334; C.N. Al-Afghani, (1997), **Perisai Memali**, Baling Kedah, Corak Memali, hal: 1; Fadzil Mohd Noor, Ucapan Dasar Muktamar Tahunan PAS Ke 39, **Pertahan Syakhsiyyah Ummah**, pada 11, 12 & 13 Jun 1993, Markas Tarbiyyah PAS Pusat, Kuala Lumpur, hal. 3; Fadzil Mohd Noor (Ust. Dato' Hj.), Muktamar Ke 40, **op.cit**, hal. 8; Fadzil Mohd Noor (Ust. Dato' Hj.), **op.cit**, hal. 52; Fadzil Mohd Noor (YB Ust. Dato' Hj.), Muktamar Ke 44, **op.cit**, hal. 8; Ibnu Hashim, **op.cit**, hal 13 & 289

¹² Surah **Al-Anfaal**, ayat 30; **Al-Quran Dan Terjemahannya**, Madinah, Arab Saudi, Mujama' Mālik Fahad Li Ṭaba' Al-Maṣḥaf Al-Syarīf, 1412 H, hal. 265.

I. PENUBUHAN PAS.

1. Sejarah Penubuhan.

PAS ditubuhkan adalah rintitan daripada pengharaman beberapa buah parti politik sebelumnya, seperti Hizbul Muslimin¹³, PKMM¹⁴ serta sayap pemudanya API¹⁵ dan sayap wanitanya AWAS¹⁶, PETA¹⁷, BATAS¹⁸ dan Melayen Democratic Youth League.¹⁹

¹³ Hizbul Muslimin telah ditubuhkan pada 17 Mac 1948. Ia ditubuhkan selepas beberapa bulan perjanjian perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dimeterai untuk menggantikan perlembagaan Malayan Union pada bulan Februari 1948. Ustaz Abu Bakar Al-Bakir, Ust. Abd. Rub dan Kiyai Masyhur Azahari telah membuat pakatan untuk menubuhkan sebuah pertubuhan politik Islam, akhirnya mereka berjaya menubuhkan pertubuhan tersebut iaitu Hizbul Muslimin. Terdapat tiga dasar yang digariskan oleh pertubuhan Islam ini, pertama untuk membebaskan bangsa Melayu dan Tanah Melayu daripada penjajah, kedua untuk membentuk negara Islam yang tulen dan ketiga untuk mewujudkan Tanah Melayu sebagai sebuah negara Darul Islam. Panel Pengkaji Sejarah, **op.cit.**, hal: 4-5.

¹⁴ PKMM adalah singkatan daripada Parti Kebangsaan Melayu Malaya atau Malaya Nationalist Party. Ianya ditubuhkan pada bulan Oktober 1945 oleh Ahmad Boestaman bersama kawan-kawannya di Ipoh termasuklah Mokhtaruddin Laso, Dahari Ali dan Dr. Burhanuddin. Pada mulanya ianya dipimpin oleh Mokhtaruddin tetapi apabila Mokhtaruddin menghilangkan diri, Ahmad Boestaman dan rakan-rakannya melantik Dr. Burhanuddin untuk menjadi Yang DiPertua PKMM, maka tempat itu diganti oleh Dr. Burhanuddin. Buyong Adil (Hj.), **op.cit.**, hal. 251; Ibnu Hasyim, **op.cit.**, hal. 185; Institut Tadbiran Awam Negara, (1994), **Malaysia Kita**, Kuala Lumpur, Pencetakan Nasional Malaysia Bhd., hal. 489; Al-Ummah, Bil 18 April 1989, Ustaz Othman Hamzah, **Sejarah Ringkas Penubuhan Parti Islam SeMalaysia**, Kuala Lumpur, Percetakan Bersepadu Sdn. Bhd, hal. 4; Amaluddin Darus, **op.cit.**, hal: 26; Suhaimi Mokhtar, **op.cit.**, hal: 1 & 4; Panel Pengkaji Sejarah, **op.cit.**, hal: 3.

¹⁵ API adalah singkatan daripada Angkatan Pemuda Insaf, ianya selaku sayap kanan kepada PKMM yang ditubuhkan pada 1945. Ibnu Hashim, **op.cit.**, hal. 20; Al-Ummah, **op.cit.**, hal. 4; Amaluddin Darus, **op.cit.**, hal: 26; Suhaimi Mokhtar, **op.cit.**, hal: 4.

¹⁶ AWAS adalah singkatan daripada Angkatan Wanita Sedar, ianya sebagai sayap kiri kepada PKMM. Ibnu Hashim, **op.cit.**, hal. 20; Al-Ummah, **op.cit.**, hal 4; Amaluddin Darus, **op.cit.**, hal: 26; Suhaimi Mokhtar, **op.cit.**, hal: 4.

¹⁷ PETA adalah singkatan daripada Pembela Tanah Air. Ia ditubuh oleh Ibrahim Yaakub dengan kerjasama pihak tentera Jepun. Tujuan PETA adalah untuk menentang Inggeris akan tetapi tujuan sebenar Ibrahim Yaakub ialah hendak mengambil senjata dari tentera Jepun kemudiannya diberikan kepada orang-orang Melayu untuk memerangi Jepun sehingga mendapat kemerdekaan. Haji Buyong Adil, **op.cit.**, hal. 247; Ibnu Hashim, **op.cit.**, hal. 20; Al-Ummah, **op.cit.**, hal. 4.

¹⁸ BATAS adalah singkatan daripada Barisan Tani Malaya. Ibnu Hashim, **op.cit.**, hal. 20.

Para ulama merasa kekosongan dengan tiadanya gerakan yang membawa wadah Islam. Ulama-ulama dalam UMNO yang berhasrat menegakkan Islam mengambil kesempatan untuk mengisi kekosongan tersebut. Mereka bertindak menubuhkan sebuah badan yang pada lahirnya berbentuk badan kebajikan, di bawah naungan UMNO. Mungkin dengan nama di bawah naungan UMNO dapat mengatasi masalah kecurigaan bagi penjajah.²⁰

Akhirnya satu muktamar ulama-ulama Islam peringkat kebangsaan diadakan oleh bahagian agama UMNO yang dipelopori oleh Tuan Haji Ahmad Fuad Hasan bersama rakan-rakan yang lain.²¹, pada 21 dan 22 Februari 1950, bertempat di Bangunan Kelab Muar, Johor. Seramai 46 perwakilan dan 300 orang pemerhati telah menghadiri persidangan itu. Mereka adalah terdiri dari alim ulama' cawangan-cawangan Umno, wakil-wakil dari Majlis Agama Negeri dan dari organisasi-organisasi Islam lain. Hasil dari persidangan itu maka Persatuan Ulama-Ulama Se Malaya berjaya ditubuhkan.²²

¹⁹ Suhaimi Mokhtar, *op.cit.*, hal. 4; Hussin Mutalib, *op.cit.*, hal. 107; `Abd al-Hādī Awāng, *op.cit.*, hal. 27; Al-Ummah, *op.cit.*, hal. 4; Amaluddin Darus, *op.cit.*, hal: 26; Panel Pengkaji sejarah, *op.cit.*, hal: 6.

²⁰ Ibnu Hasyim. *op.cit.*, hal 22.

²¹ Sila lihat Lampiran 1. Al-Ummah, *op.cit.*, hal. 5.

²² Ibnu Hasyim, *op.cit.*, hal 23; Baharuddin bin Haji Abdul Latif (Hj.), (1994), **Islam Memanggil**, Kuala Lumpur, Percetakan Selasih, hal. xvi; R.S Milne dan Diane K. Mauzy, *op.cit.*, hal. 183.

Persidangan Persatuan Ulama-Ulama Se Malaya Yang Ke II pula di adakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951. Tiga keputusan dicapai dalam persidangan tersebut;²³

1. Mendirikan satu persatuan alim ulama' yang bebas dari sebarang ikatan samaada dari persatuan atau pertubuhan;
2. Melantik jawatankuasa sementara bagi menggubal perlembagaan; dan
3. Meneruskan ikhtiar bagi menyatukan pentadbiran agama dalam Persatuan Tanah Malaya.

Sebuah jawatankuasa kecil terdiri daripada 5 orang bertujuan merangka Perlembagaan Ulama-Ulama Se Malaya. Ia di pengerusikan oleh Haji Ahmad Fuad Hassan dan anggota-anggota lain terdiri dari Haji Ayub dari Perak, S. Mohd Hafiz dari Kuala Lumpur, En. Saadon Zubir dan Haji Mohd Amin.²⁴

Pada 24 November 1951 M, persidangan Persatuan Ulama Se Malaya Ke III diadakan di Bangunan Kelab Melayu Bagan Butterworth. Pada hari inilah dirasmikan penubuhan persatuan tersebut. Berikutnya undang-undang tubuh pun dibahas dan disahkan. Ustaz Uthman, bekas anggota Hizbul Muslimin, perwakilan dari Persatuan Al-Ihya' Al-Syariff Gunung Semanggol Perak, membahaskan nama yang tertera di rangka undang-undang yang dicadangkan. Beliau mencadangkan nama Persatuan Ulama Se

²³ Baharuddin b. Haji Abdul Latif (Hj.), *op.cit*, hal. xvii; Ibnu Hasyim, *op.cit*, hal. 23.

²⁴ Baharuddin b. Haji Abdul Latif (Hj.), *op. cit*, hal. xvii.

Malaya dipinda kepada Persatuan Islam Se Malaya atau sebutan ringkasannya PAS. Alasan beliau ialah kerana ahli-ahlinya terbuka kepada semua orang Islam bukan hanya kepada ulama-ulama sahaja. Cadangan beliau diterima oleh ahli mesyuarat sebulat suara. Dalam muktamar pada 27 Julai 1955, Persatuan Islam Se Malaya namanya ditukar menjadi Persatuan Islam Se Tanah Melayu dan pada tahun 1971 sekali lagi namanya diubah menjadi Parti Islam Se Malaysia, nama ini kekal sehinggalah hari ini.²⁵

Hasil dari persidangan tersebut, maka PAS ditubuhkan dengan rasminya. Alamat pejabatnya pada waktu itu di nombor 721, Kepala Batas Seberang Prai. Antara saf kepimpinan pertama yang terlantik ialah .²⁶

1. Tuan Haji Ahmad Fuad Hassan sebagai Yang Dipertua.
2. Haji Muhammad Ghazali Haji Abdullah sebagai Timbalan Yang Dipertua.
3. Haji Hussein Che Dol sebagai Naib Yang Dipertua Bahagian Utara.
4. Fakir Muhammad Noor sebagai Naib Yang Dipertua Bahagian Tengah.
5. Abd. Rahman Jamaluddin Al-Jambuli Naib Yang Dipertua Bahagian Selatan.
6. Tuan Haji Ahmad Maliki sebagai Setiausaha Agung.
7. Tuan Haji Ahmad Tuan Husin sebagai Bendahari.

²⁵ **Ibid.** hal. xviii - xxiii; Ibnu Hisyam, **op.cit.** hal. 30; 'Abd al-Hādī Awāng, **op.cit.** hal. 30 & 49; R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, **op.cit.** hal. 184; Tarmizi Mohd Jam, **op.cit.** hal. 12; Al-Ummah, **op.cit.** hal. 6; Panel Pengkaji Sejarah, **op.cit.**, hal: 7.

²⁶ Ibnu Hisyam, **op.cit.** hal. 31; Baharuddin b. Haji Abdul Latif (Hj.), **op.cit.** hal. xxv-xxvi; A-Ummah, **op.cit.** hal. 7; Amaluddin Darus, **op.cit.**, hal: 36; Suhaimi Mokhtar, **op.cit.**, hal:

Permohonan pendaftarannya dibuat di Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Malaya, Pulau Pinang pada 14 Januari 1955. Apabila hampir pilihanraya kebangsaan tahun 1955, barulah kelulusannya diperolehi iaitu pada 31 Mei 1955 M. Nombor pendaftarannya ialah 773 (Penang).²⁷ PAS dengan lambang "Tangan Terbuka"nya terus menyertai pilihanraya, dan bertanding di 11 dari 52 kerusi yang dipertandingkan. Di dalam pilihanraya tersebut PAS mendapat satu kerusi parlimen bagi kawasan Kerian, Perak, melalui calonnya Tuan Guru Haji Ahmad Tuan Husin dan satu lagi kerusi Perbandaran atau Dewan Undangan Negeri Perak di Parit Buntar juga dalam daerah Kerian, diperolehi melalui calonnya Encik Ahmad Kamal dari Kawasan Kerian Laut.²⁸

PAS terus bergerak dan akhirnya berjaya membuka cawangannya yang pertama di Negeri Terengganu iaitu PAS Cawangan Dungun. Peristiwa yang bersejarah ini berlaku kira-kira jam 5 petang pada 6 Julai 1956 di Madrasah Al-Zainiyyah, Sura Gate, Dungun. Di mana 23 orang telah berkumpul di situ untuk berbincang dalam majlis bersama wakil PAS Pusat, Haji Muhammad Asri Haji Muda. Setelah perbincangan dibuat, mereka bersetuju untuk membuka PAS Cawangan Dungun (Sekarang Kawasan) dengan diketuai oleh Tuan Guru Haji Zainal Abidin Aman. Kemudiannya pada tahun 1958 cawangan PAS kedua di Besut, kedua-duanya di Terengganu.²⁹

²⁷ Tarmizi Mohd Jam, *op.cit*, hal. 11; Ibnu Hasyim, *op.cit*, hal. 31.

²⁸ Suhaimi Mokhtar, *op.cit*, hal. 37; Ibnu Hasyim, *op.cit*, hal. 64-65.

²⁹ Zulkifli Embong, (1994), **Operasi Tawan Terengganu**, Kuala Lumpur, Cetak Khidmat dan Niaga Sdn. Bhd, hal. 15-16; T.p., (1984), **Terengganu Dahulu Dan Sekarang**, Kuala Lumpur, United Selangor Press Sdn. Bhd, hal. 215.

2. Dasar Perjuangan.

Seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan PAS, fasal 3 dari Bab Kedua menerangkan bahawa dasar perjuangan PAS adalah Islam.³⁰ Ia bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud :

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٠٨﴾

"Katakanlah; Inilah jalanku (agama) ku, aku dan orang-orang yang mengikutiku mengajak (kamu) kepada Allah dengan hujah yang nyata".³¹

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ ﴿٣٢﴾

"Sesungguhnya agama disisi (diredhai) Allah ialah Islam".³²

وَمَنْ يَتَّبِعْ

غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٣٣﴾

"Dan sesiapa yang mengambil selain daripada Islam sebagai agama atau pegangan, maka ianya tidak akan diterima dan dia pada hari qiyamat nanti termasuk dikalangan orang-orang yang rugi".³³

³⁰ Perlembagaan Parti Islam Se Malaysia (PAS) Pindaan 1987, Petaling Jaya, Syarikat Prema, 1987, hal. 1.

³¹ Surah Yusuf. ayat 108. – Al-Quran Dan Terjemahan, **op.cit**, hal. 365.

³² Surah Ali Imran. ayat 19, - Al-Quran Dan Terjemahan, **op.cit**, hal. 78.

³³ Surah Ali Imran, ayat 85, - Al-Quram Dan Terjemahannya, **op.cit**, hal. 90.

PAS mengambil Islam sebagai dasar perjuangannya, kerana PAS meyakini bahawa Islam sahajalah yang dapat menyelesaikan semua masalah yang berlaku di dunia ini. Ia dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh manusia tanpa batasan masa, tempat dan suasana. Disamping itu, Islam itu sendiri bersifat sempurna dan syumul, ia merangkumi semua aspek kehidupan manusia bermula dari sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besar perkara. Ajaran Islam mempunyai keistimewaan yang tidak ada pada agama lain.³⁴ Oleh kerana dasar perjuangan PAS adalah Islam, PAS telah menetapkan bahawa kuasa yang tertinggi sekali dalam pertubuhan itu ialah Al-Quran, Hadis, Ijma' dan Qias. Perkara ini dapat dilihat dalam perlembagaannya, Bab Ketiga, fasal 7 ceraiian 1 berbunyi:

"Adapun hukum yang tertinggi sekali dalam pegangan PAS ialah Kitabullah dan Sunnah Rasul serta Ijmak Ulama' dan Qias yang terang dan nyata, dengan tertakluk kepada hukum yang tertinggi itu, kekuasaan PAS adalah dipegang oleh Muktamar Tahunan".³⁵

3. Matlamat Perjuangan.

Setiap pertubuhan, parti politik dan persatuan mempunyai matlamat perjuangan. PAS selaku parti politik juga mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Matlamat PAS amat berbeza daripada parti-parti politik yang lain.

³⁴ Abdul Hadi Awang (Ust. Tuan Guru Hj.), (1981), **Kemestian Penyelesaian Secara Islam**, Kota Bharu, Kelantan, Dain Darul Naim Sdn. Bhd., hal. 53; Al-Ummah, Bil. 18 April 1989, Haji Hassan Shukri, **PAS Dan Perubahan Pimpinan**, Kuala Lumpur, Percetakan Bersepadu Sdn. Bhd, hal. 3.; Al-Qurtubi, (1988), **Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān**, Bairūt, Lubnān, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, jil. 5, hal. 179; Amaluddin Darus, **op.cit.**, hal: 89; T.p., (1984), **Interview Asiaweek dengan Haji Abdul Hadi Awang, Islam Sebagai Benteng**, Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd., hal: 3; Ibnu Hasyim, (1993), **Konflik UMNO-PAS Satu Penyelesaian Menurut Islam**, Shah Alam Selangor, Brother Press LTD. Part, hal: 59.

³⁵, Perlembagaan PAS, **op.cit**, hal. 4.

Ini dinyatakan oleh Perlembagaan PAS Pindaan 1987, fasal 5 dari Bab Ketiga.³⁶

1. Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju kepada keredaan Allah SWT.
2. Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Daripada fasal 5 ceraihan 1, menunjukkan bahawa matlamat perjuangan PAS adalah ingin menegakkan, melaksanakan dan membangunkan satu masyarakat dan negara yang mana hukum-hukum Allah S.W.T dapat dijalankan di dalamnya dengan sempurna. Ia bertujuan menjadikan individu, masyarakat dan negara sentiasa berada di bawah panji Islam dan cara hidup Islam. Menegakkan sebuah negara Islam, adalah kewajiban pokok yang harus diperjuangkan oleh setiap individu muslim. Menyedari hakikat ini, maka PAS telah menjadikan Islam sebagai matlamat perjuangannya.³⁷

Fasal 5 ceraihan 2 pula menerangkan, matlamat perjuangan PAS adalah mempertahankan kesucian Islam daripada dicemari oleh fahaman-fahaman yang sesat seperti sekularisma³⁸ dan sebagainya. PAS juga mempertahankan

³⁶, **Perlembagaan PAS Pindaan 1993**, Klang, Percetakan Al-Saff, 1994, hal. 2.

³⁷ Fadzil Mohd Noor (Ust. Dato' Hj.), **op.cit.**, hal. 41; Haji Baharuddin b. Abdul Latif, **op.cit.**, hal. 22; 'Abd al-Hādi Awāng, **op.cit.**, hal. 84; R. S. Milne dan Diane K. Mauzy, **op.cit.**, hal. 185; Harun bin Taib, **op.cit.**, hal. 92; Panel pengkaji Sejarah, **op.cit.**, hal: 7-8; Ahmad Lutfi Othman, **op.cit.**, hal: 135-136; Ibnu Hasyim, Konflik UMNO – PAS, **op.cit.**, hal: 59.

³⁸ Sekularisma adalah satu fahaman yang lahir di Eropah dan ianya telah lama bertapak di Itali pada abad pertengahan. Secara umumnya ianya lahir dalam permulaan abad enam belas masihi. Sekularisma adalah fahaman yang memisahkan antara agama dan

kemerdekaan dan kedaulatan negara. Ini kerana, menjadi kewajipan ke atas setiap individu muslim memelihara negeri dan negaranya daripada dijajah dan diganggu oleh musuh-musuh Islam yang sentiasa ingin menghancurkan kesucian Islam dan negara Islam. Bagi PAS sebagai parti politik yang memperjuangkan Islam, mempertahankan negara merupakan perentah agama dan perintah Allah SWT yang mesti dijunjung dan dilaksanakan.³⁹

Untuk memastikan segala matlamat itu tercapai, maka usaha-usaha ke arah itu mestilah dilakukan. Diantara usaha-usaha yang dilakukan oleh PAS ialah :⁴⁰

1. Menyeru manusia supaya kembali kepada Al-Quran dan Sunah Nabi S.A.W (Hadis), walau apa cara sekalipun.

masalah hidup termasuklah politik dan ekonomi. Agama hanya berhak perkara yang berkaitan dengan tuhan dan akhirat sahaja manakala urusan dunia agama tidak berhak untuk mencampurinya. Fahaman ini bermatlamat mengalihkan manusia daripada mementingkan akhirat kepada mementingkan kehidupan dunia sahaja. Secara ringkasnya sekularisma adalah fahaman yang memisahkan agama daripada negara. = Che Yusoff bin Che Mamat, (1988), **Sekularisme**, Kuala Lumpur, Academe Art & Printing Servicer Sdn. Bhd., hal. 12-18; Abdul Hadi Awang (Ust. Hj.), (1405H), **Rahsia Kekuatan Tentera Allah**, Klang Selangor, Percetakan Naathaan, hal. 17; H. Oemar Bakry, (1984), **Islam Menentang Sekularisme**, Jakarta, Mutiara Offset, hal. 15-16; Abdul Halim Haji Mat Diah (Dr.), (1989), **Pendidikan Islam Di Malaysia Sejarah Dan Pemikiran**, Kuala Lumpur, Percetakan Watan Sdn. Bhd., hal. 36; Manna Khalil Al-Qatan, terjemahan Haji Juanda Haji Jaya, (1998), **Halangan Pelaksanaan Syariah Islam**, Kuala Lumpur, Otopack & Print Sdn. Bhd., hal. 35;(1996), **Kamus Dewan Edisi Ketiga**, Kuala Lumpur, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 1213;(1997), **Kamus Dwibahasa**, Kuala Lumpur, Percetakan Dewan Bahasa & Pustaka, hal. 1123; Ibrāhīm, Hamīd, Ahmad Hasan dan Mohd `Alī, (1989), **Al-Mu`jam al-Wasīṭ**, Istambul Turki, Dār al-Da`wat, hal. 624; Jamā`at Min Kibār al-Lughawīyyīn al-`Arab, **Al-Mu`jam al-`Arab al-Asāsī**, Bairūt Lubnān, Maktabat Larūs, hal. 861; Mustaffa Sabrī, **op.cit**, hal.281; Muhammad Qutub, (1988), **Mazāhib Fikriyya Maā`sharat**, Bairūt Lubnān, Dār Shurūq, hal. 445; Quraishi, Hamīd `Abd al-Majīd, (1993), **Al-Wazīfat al-`Aqīdiyyat Li al-Daulat al-Islāmiyyat**, Al-Qāherah, Dār Tauzī` Wa al-Nashar al-Islāmiyyat, hal. 488; `Abdullāh Nāsih `Ulwan (Dr.), (1988), **Al-Shabāb al-Muslim**, Dashīq, Dār al-Qalām, hal. 128; Al-Khatīb, Muhammad `Abdullāh, (1993), **Mafahim Tarbiyyat**, Al-Qāherah, Dār Manār al-Hadīth, juz. 5, hal. 72.

³⁹ Baharuddin b. Abdul Latif (Hj.), **op.cit** hal. 18; `Abd al-Hādī Awāng, **op.cit**, hal. 84; Harun bin Taib, **op.cit**, hal. 92.

⁴⁰ `Abd al-Hādī Awāng, **op.cit**, hal. 85-86; Harun bin Taib, **op.cit**, hal. 92-93;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, **op.cit**, hal. 2-3.

2. Memperjuangkan Islam sebagai akidah, syari'at dan menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan benegara.
3. Memjalin dan memupuk ukhuwwah Islamiyyah.
4. Mengajak semua badan atau pertubuhan dan individu mengenali dan memperjuangkan Islam.
5. Berkerjasama dengan pertubuhan lain selagi tidak bercanggah dengan Islam.
6. Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini.
7. Mempertahankan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi.
8. Mempertahankan kebudayaan negara selama ianya tidak bercanggah dengan Islam.

4. Stroktor Pentadbiran.

Pentadbiran PAS terdiri daripada Pentadbiran PAS Pusat, Pentadbiran PAS Negeri atau Wilayah (Badan Perhubungan PAS Negeri), Pentadbiran PAS Kawasan dan Pentadbiran PAS Cawangan.

Pentadbiran PAS Pusat.⁴¹

Pentadbiran PAS berpusat di Kuala Lumpur yang dipanggil dengan "PAS Pusat". Dalam Pentadbiran PAS Pusat ini mempunyai Majlis Syura Ulama, Jawatankuasa PAS Pusat, Dewan Ulama PAS Pusat, Dewan Pemuda PAS Pusat dan Dewan Muslimat PAS Pusat. Oleh kerana PAS menjadikan

⁴¹ Stroktur Pentadbiran PAS Pusat, sila lihat **Lampiran 2**.

Al-Quran, Sunnah Rasulullah, Ijmak Ulama dan Qias sebagai kuasa tertinggi di dalam partinya maka Majlis Syura Ulama ditubuhkan. Ia diberi kuasa untuk menghurai serta menafsir dasar dan mana-mana peruntukan dalam pelebagaan. Ia juga diberi kuasa untuk mengarah dan memerintah supaya dasar dan ketetapan itu dipatuhi. Majlis Syura Ulama PAS terdiri daripada lima belas orang.⁴²

Pentadbiran PAS Pusat juga mempunyai Jawatankuasa Kerja yang bertanggungjawab sebagai penggerak kepada pentadbirannya. Diantara tugas-tugas yang perlu dilakukan ialah :⁴³

1. Melaksana,menyusun dan mengatur strategi dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menjalankan program politik, ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan dan lain-lain.
2. Memilih calon-calon yang akan bertanding di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negeri.
3. Menyelaraskan sikap dan pendirian ahli-ahli PAS dalam Parlimen.
4. Menyediakan aturan dan peraturan berhubung dengan soal-soal mengenai pilihanraya.
5. Menyelaras kegiatan, pergerakan dan pentadbiran Badan-badan Perhubungan PAS Negeri dan Wilayah.

⁴² **Temubual** bersama Saudara Zakaria Dagang, 38 tahun, Setiusaha Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu, pada 26 Okt. 1998, jam 2.45 petang, bertempat di Pejabat Perhubungan PAS Negeri Terengganu;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, **op.cit**, hal. 4-8.

⁴³ **Ibid.** hal. 32-33.

Jawatankuasa Kerja PAS Pusat ini dianggotai oleh dua puluh lapan orang yang terdiri daripada :Presiden, Timbalan Presiden, Naib Timbalan Presiden yang terdiri dari dua orang, Ketua Dewan Ulama', Ketua Dewan Pemuda, Ketua Dewan Muslimat, Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan lapan belas orang ahli Jawatankuasa biasa.⁴⁴

Pentadbiran PAS Negeri dan PAS Wilayah.⁴⁵

Di setiap negeri atau Wilayah Persekutuan pentadbiran PAS dikendalikan oleh Badan Perhubungan PAS Negeri atau Badan Perhubungan PAS Wilayah. Bilangan ahli Jawatankuasanya bergantung kepada bilangan kawasan dalam negeri tersebut.⁴⁶ Diantara tugas yang dijalankan oleh badan ini ialah :⁴⁷

1. Mengawasi dan menyatukan sikap serta pentadbiran PAS Kawasan-kawasan.
2. Menubuhkan Dewan Ulama, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS Negeri dan membantunya dari masa ke semasa.
3. Mengemukakan rancangan, polisi dan menentukan sikap serta pendirian Perhubungan PAS Negeri.

⁴⁴ **Temubual** bersama Zakaria Dagang;, Perlembagaan PAS (Pindaan 1987), **op.cit** , 24-25. Sila lihat **Lampiran 3**.

⁴⁵ Stroktor Pentadbiran PAS Negeri, sila lihat **Lampiran 4**.

⁴⁶ Sila lihat **Lampiran 5**.

⁴⁷ **Temubual** bersama Zakaria Dagang;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, **op.cit**, hal. 56-57.

Disamping itu setiap Badan Perhubungan PAS Negeri atau Wilayah mempunyai Jawatankuasa Harian PAS Negeri atau Wilayah.⁴⁸ Dan di setiap negeri atau wilayah pula mempunyai Dewan Ulama, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat.⁴⁹

Pentadbiran PAS Kawasan.

Bagi memudahkan lagi Pentadbiran Perhubungan PAS Negeri, maka disetiap kawasan atau jajahan mempunyai Ahli Jawatankuasanya yang disebut sebagai Jawatankuasa PAS Kawasan. Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Yang Dipetua Kawasan, Naib Yang Dipetua Kawasan, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Pemuda Kawasan, Ketua Muslimat Kawasan dan tidak lebih dari lapan belas orang ahli Jawatankuasa yang lain. Diantara tugasnya ialah :⁵⁰

1. Menggalakkan semua kegiatan parti dalam semua bidang.
2. Perihatin terhadap masalah-masalah berat dalam kawasannya.
3. Sentiasa memberi kerjasama kepada Perhubungan PAS Negeri.
4. Melantik ahli-ahli PAS bagi mewakili PAS Kawasan ke dalam sebarang kumpulan.
5. Menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika perlu.
6. Bertanggungjawab menjalankan usaha-usaha politik dan hal ehwal kawasannya.

⁴⁸ Sila lihat **Lampiran 6**.

⁴⁹ Sila lihat **Lampiran 7**.

⁵⁰ **Temubual** bersama Zakaria Dagang;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, **op.cit**, hal. 35-43.

Bagi Pentadbiran PAS Kawasan, ia hanya mempunyai Dewan Pemuda PAS Kawasan dan Dewan Muslimat PAS Kawasan sahaja. Kedua-dua dewan ini mempunyai Jawatankuasa Kerja. Jawatankuasa Kerja kedua-dua dewan ini terdiri dari: Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan sembilan orang Jawatankuasa yang lain.⁵¹

Pentadbiran PAS Cawangan.

Setiap cawangan yang ditubuhkan, pentadbirannya dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa PAS Cawangan itu sendiri. Diantara tugas yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa ini ialah :⁵²

1. Berusaha mengembangkan pengaruh PAS di Cawanganya.
2. Menjalankan tugas yang diberikan oleh Perhubungan PAS Negeri atau PAS Kawasan.
3. Membimbing segala kegiatan pemuda dan muslimat cawangan.
4. Bertanggungjawab memastikan perjalanan pentadbiran cawangan berjalan dengan lancar.

Ahli Jawankuasa PAS Cawangan pula terdiri daripada : Ketua, Naib Ketua, Setiausaha, Bendahari, Ketua Pemuda, Ketua Muslimat dan tidak melebihi dari dua belas orang ahli jawatankuasa.⁵³ Bagi melicinkan

⁵¹ **Temubual** bersama Zakaria Dagang;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, *op.cit*, hal. 86-87, 106-107.

⁵² **Temubual** bersama Zakaria Dagang;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, *op.cit*, hal. 48.

⁵³ **Temubual** bersama Zakaria Dagang;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, *op.cit*, hal. 43-44.

pentadbiran peringkat cawangan, diadakan Jawatankuasa Pemuda dan Jawatankuasa Muslimat. Kedua-duanya mempunyai Ahli Jawatankuasa yang terdiri : Ketua, Naib Ketua Setiausaha, Bendahari dan tidak lebih dari enam orang ahli Jawatankuasa yang lain.⁵⁴

II. PENGERTIAN TAJUK.

Pengertian 'sejarah' pada bahasa ialah 'asal usul', keturunan, salsilah.⁵⁵ Dalam bahasa Arab, sejarah ialah sirah atau tarikh. Sirah dalam bahasa Arab berasal dari kalimah "sara" (سارا , سيرا) jama' dari sairān adalah sirah yang bererti keadaan dan perjalanan kehidupan.⁵⁶

Manakala 'sejarah' dari segi istilah ialah keadaan yang berlaku kepada seseorang atau sesuatu benda, ia juga menceritakan hal dan peristiwa orang-orang yang terdahulu dan juga mengenai perjalanan dan keadaan manusia. Sejarah adalah peristiwa yang benar-banar berlaku pada waktu yang lampau, kisah, riwayat, tambo : cerita yang disangka dongeng itu menjadi fakta sesudah dijumpai bukti-bukti yang mengesahkannya. Ilmu kajian atau pengetahuan mengenai peristiwa-peristiwa yang telah lalu.⁵⁷

⁵⁴ Temubual bersama Zakaria Dagang;, Perlembagaan PAS Pindaan 1993, **op.cit.** hal. 46.

⁵⁵ Kamus Dewan, **op.cit.**, hal. 1208.

⁵⁶ T.p., (1986), **Al-Munjid Fī al-Luḡhat Wa al-'A'lām**, Bairūt, Lubnān, Dār Mashriq, hal. 368; Jamā'ah Min Kibār al-Luḡhawīyyin al-'Arab, **op.cit.**, hal. 659; Ibn Manzūr, (1990), **Lisān al-'Arab**, Bairūt, Dār Ṣadīr, jil. 4, hal. 389; Ibrāhīm Mustaffa, Ahmad Hasān Al-Ziyat, Hamīd 'Abd al-Qādir dan Muḥammad 'Alī Al-Najār, **op.cit.**, hal. 467

⁵⁷, Kamus Dewan, **op.cit.**, hal. 1208; Jamā'ah Min Kibar al-Luḡhawīyyin, **op.cit.**, hal. 659; Ibn Manzūr, **op.cit.**, hal. 390; Ibrahim, Ahmad, Hamid dan Muhammad, **op.cit.**, hal. 467; Ibn Hishām, (1991), **Al-Sīrat al-Nabawiat Li Ibn Hishām**, Bairūt Lubnān,

Sejarah adalah disiplin ilmu yang dipelajari secara luas oleh banyak bangsa dan kaum. Pada hakikatnya sejarah, dalam kata lainnya, mengandungi penelitian dan usaha mencari kebenaran, penjelasan yang halus tentang sebab dan asal benda, pengertian dan pengetahuan tentang bagaimana dan sebab terjadi peristiwa-peristiwa. Dengan demikian, sejarah benar-benar berakar tunjang dalam falsafah. Ia patut dianggap sebagai salah satu cabangnya.⁵⁸

Perkataan sumbangan pula didefinisikan sebagai; sesuatu yang diberikan sebagai bantuan kepada keramaian, pertolongan yang diberikan dan sokongan. Contohnya, mahasiswa kita masih sedikit memberi sumbangan kepada tanah air.⁵⁹ Dalam bahasa Arab pula, sumbangan ialah *ashama* (اَسْهَم), *yushimu* (يَسْمِ), *ishaman* اِسْهَامًا bererti memberi sumbangan ke dalam sesuatu perkara atau sesuatu urusan.⁶⁰

Daripada definisi-definisi sumbangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa sumbangan ialah segala apa yang diberikan kepada masyarakat sama ada dari sudut tenaga, pertolongan, bantuan dan sebagainya, sama ada ianya berkait dengan sesuatu perkara atau sesuatu urusan.

Dār al-Jīl, jil. 1, hal: 11; Mahrūs Ridwān `Abd al-`Aziz (Dr.), (1992), **Lumahāt Min Hayat al-Rasūl Wa Faḍāiluhu**, Al-Qāherah, Dār Ṭaba`ah al-Muhammadiat, hal:5.

⁵⁸ Ibn Khaldun, Abdul Rahman bin Khaldun, (1995), **Muqaddimah Ibn Khaldun**, Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Pulau Pinang, Sinaran Bross Sdn. Bhd., hal. X.

⁵⁹, Kamus Dewan, **op.cit**, hal. 1318.

⁶⁰ Jamā`ah Min Kibār Al-Luḡhawiyīn, **op.cit.**, hal. 650.

Disini sukaalah penulis membawa sedikit pandangan daripada penulis-penulis Islam mengenai sejarah. Mengikut Ibn Hishām, sejarah amat penting bagi manusia kerana ianya yang akan membezakan mereka daripada semua makhluk yang lain. Mengikut beliau lagi, manusia adalah satu ciptaan yang berada di bumi yang dapat mengambil pengajaran daripada sejarah untuk masa sekarang dan akan datang.⁶¹

Manā` Qatān telah menjelaskan bahwa sejarah itu penting bagi manusia kerana dengan berpandukan kepada sejarah mereka dapat mengetahui dan mengambil contoh-contoh daripada umat-umat yang terdahulu untuk dijadikan panduan dalam membangun dan memajukan kehidupan mereka. Dengan berpandukan kepada sejarah juga manusia dapat menjuruskan amalan atau perbuatannya kepada kebaikan di dunia dan akhirat.⁶²

Menurut Dr. Muhammad Sa`īd Ramaḍān al-Būṭī, sejarah itu amat penting terutama sejarah Rasulullah S.W.A. Ini kerana melalui sejarahnya manusia dapat menjadikannya sebagai panduan sepanjang kehidupan di dunia. Manakala Ibn Jauzī pula menegaskan bahawa kepentingan sejarah itu tidak dinafikan kerana manusia akan dapat mengetahui mengenai keajaiban perkara-perkara yang telah berlaku, pusingan zaman pemerintahan dan diri

⁶¹. Ibn Hisham, *op.cit.*, hal: 11.

⁶². Manā` Qatān, (1995), *Tārīkh al-Tashrī al-Islāmī*, Bairūt Lubnān, Muassasat al-Risālat, hal: 11.

manusia juga akan merasa tenang apabila mendengar dan mengetahui kisah-kisah yang lalu sebagai pengajaran dan panduan.⁶³

Hj. Abdul Manaf telah berpendapat bahawa sejarah amatlah perlu dan penting bagi manusia lebih-lebih lagi ahli-ahli politik, ini kerana dengan berpandukan kepadanya mereka dapat membuat analisa atau perancangan pembangunan satu-satu masyarakat. Sejarah juga bukanlah satu ilmu untuk mengetahui peristiwa-peristiwa yang lalu dan berlaku sahaja akan tetapi ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan perancangan dan pembangunan umat, ia juga dipelajari untuk diambil iktibar dan diikuti contoh tauladan yang baik.⁶⁴

Daripada kesemua pandangan penulis-penulis Islam di atas dapatlah disimpulkan bahawa sejarah itu amat penting bagi manusia dalam menjalani kehidupan sehariannya. Ini kerana dengan berpandukan kepada sejarah atau peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, manusia boleh menjadikannya sebagai pengajaran dan maklumat untuk lebih maju serta membangun dan disamping itu dapat menyelamatkan mereka di dunia dan akhirat.

⁶³ Al-Būṭī, Muhammad Sa'īd Ramadān, (Dr.), (1991), **Fiḥ al-Sīrat al-Nabawiat**, Damshīq, Dār al-Fikr, hal: 21; Ibn Al-Jauzī, 'Abd al-Rahmān bin 'Ālī, (1992), **Al-Muntazom Fī Tārīkh al-Umam Wa al-Mulūk**, Bairūt Lubnān, Dār al-Kutub al-'Ilmāniyyat, hal: 117.

⁶⁴ Abdul Manaf Hj. Ahmad (Hj.), (1983), **Sejarah Perjanjian Rasulullah**, Kuala Lumpur, Penerbitan Adabi Sdn. Bhd., hal: 1.

III. OBJEKTIF PENYELIDIKAN.

Penyelidikan ini merupakan satu kajian yang dibuat oleh penulis tentang sumbangan Dewan Muslimat PAS dalam politik Malaysia. Memandangkan akhir-akhir ini PAS mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan masyarakat negeri khususnya dan menjadi perhatian masyarakat luar negeri amnya. Sehubungan dengan itu, penulis memilih tajuk "Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia Suatu Kajian Di Kuala Terengganu" sebagai tajuk kajian dalam menyiapkan disertasi ini.

Diantara faktor-faktor yang mendorong penulis memilih tajuk ini adalah kerana:

1. Zaman sekarang adalah zaman kebangkitan Islam. Dimana ia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua lapisan masyarakat sama ada golongan tua, muda-mudi, lelaki mahupun wanita. Ia juga mendapat sambutan daripada para intelek. Justeru itu memandangkan PAS adalah salah satu parti politik yang membawa wadah Islam, maka secara langsung ia diminati. Walaubagaimanapun masih terdapat kekaburan mengenai sejauh manakah peranan dan sumbangan muslimat PAS dalam politik Malaysia. Oleh itu, penulis cuba mengkaji dan menjelaskan kedudukan sebenarnya, semoga kekaburan itu dapat diatasi.

2. Sepanjang kajian yang telah dilakukan kebanyakkan pengkaji hanya mengkaji sejarah Dewan Muslimat PAS secara umum sahaja tanpa dikhususkan kepada sesuatu daerah, maka ini mendorong penulis untuk

menkaji mengenai sejarah Dewan Muslimat PAS di Daerah Kuala Terengganu semoga segala maklumat yang diperolehi lebih terperinci.

3. Keberkesanan sesuatu pertubuhan itu terhasil daripada sejauhmanakan ia memberi sumbangan ke pada masyarakat. Dengan ini mendorong penulis untuk mengkaji sejauhmanakah sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu sepanjang ia ditubuhkan.

4. Pencapaian dan peningkatan sesuatu organisasi dalam sesebuah pertubuhan itu amat penting, dengan ini mendorong penulis untuk mengkaji sejauh manakah pencapaian dan peningkatan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu semenjah ditubuhkan hingga sekarang.

5. Memandangkan maklumat mengenai Dewan Muslimat PAS yang dibukukan sukar didapati, maka ia mendorong penulis untuk mengkaji dan menyusun untuk dijadikan bahan rujukan.

6. Masih ramai dikalangan ahli PAS terutama dikalangan muslimat yang belum mengetahui sejarah penubuhan dan pahit maung perjalanan Dewan Muslimat PAS, maka penulis cuba mengkaji dan dijadikan sebagai maklumat bersama.

Demikianlah diantara sebab-sebab yang mendorong penulis untuk memilih dan mengkaji mengenai tajuk ini. Disamping itu kalau dibandingkan dengan kajian-kajian yang sudah dilakukan, ia tidak banyak berubah, akan tetapi kebanyakan kajian yang lalu hanya menyentuh mengenai sejarah Dewan Muslimat PAS tanpa menyentuh sumbangannya kepada masyarakat. Ada juga diantaranya yang mengkaji secara umum tanpa dikhususkan kepada daerah-daerah tertentu. Adapun kajian yang dilakukan ini tertumpu di daerah

Kuala Terengganu sahaja dan menyentuh mengenai sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan kepada masyarakat dalam bidang politik, sosial, pendidikan dan ekonomi.

IV. METOLOGI PENYELIDIKAN.

Dalam usaha membicarakan tajuk " Sejarah Dewan Muslimat PAS dan Sumbangannya Dalam Politik Malaysia: Satu Kajian di Daerah Kuala Terengganu ", penulis telah menggunakan beberapa metod;

1. Metod Pengumpulan Data.

Dalam usaha untuk mendapatkan data dan fakta, penulis telah menggunakan metod-metod berikut;

a. Metod Historis.

Metod ini, dapat menolong penulis untuk mendapatkan data dan fakta melalui kajian dan penelitian kepada keadaan yang telah lalu.

b. Metod Dokumentasi.

Penulis menggunakan metod ini untuk mendapatkan data dan fakta yang diperlukan dengan merujuk kepada dekuman-dekuman yang berkaitan dengan masalah penyelidikan.

c. **Metod Interview.**

Penulis mengguna metod ini bagi membantu penulis mendapatkan data dan fakta dengan cepat dan tepat melalui temubual bersama individu-individu yang dianggap penting dalam kajian ini dan mempunyai maklumat yang baik dalam perkara yang bersangkutan.

d. **Metod Observasi,**

Metod ini dapat membantu penulis mendapatkan data dengan cara memerhati kepada apa yang berlaku pada masa ini.

e. **Penyelidikan di perpustakaan,**

Metod ini untuk memudahkan penulis mendapat segala maklumat dan bahan-bahan yang tepat melalui buku-buku yang dikira mempunyai hubung kait dengan masalah penyelidikan ini yang terdapat diperpustakaan-perpustakaan tertentu.

2. Metod Analisa Data.

Dalam menganalisa data, penulis menggunakan metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif, sebab;

- a. **Metod Induktif**, menolong penulis membuat kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa, sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum;
- b. **Metod Deduktif**, dapat membantu penulis untuk membuat kesimpulan yang berpangkal dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus; dan
- c. **Metod Komparatif** pula dapat membantu penulis untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan-perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperoleh.

Pada keseluruhannya metod-metod yang digunakan adalah bertujuan memperoleh data-data yang lengkap dan meyakinkan untuk diguna dalam penulisan ini, supaya hasilnya dapat menjadi bukti yang kukuh didalam perkara-perkara yang diperbincangkan.

IV. SISTEMETIKA PENULISAN.

Penulis membahagikan disertasi ini kepada lima bab, setiap bab mempunyai beberapa pecahan. Bab Pertama, iaitu bab pendahuluan, pada pendahuluan penulis memperkenalkan secara ricas mengenai parti PAS, asam-garam sepanjang pergerakannya dan persamaannya dengan gerakan-gerakan Islam yang lain di seluruh dunia. Pada bahagian ini penulis juga

menyentuh latarbelakang masalah, iaitu sejarah ringkas penubuhan PAS, bermula daripada detik bersejarah pengharaman parti-parti atau pertubuhan-pertubuhan sebelumnya sehinggalah kepada tertubuhnya parti PAS. Penulis juga membicarakan mengenai dasar yang dibawa oleh PAS dan matlamat perjuangan serta pentadbirannya. Dalam membicarakan tentang pentadbiran PAS, penulis memulakan pembincangannya dengan pentadbiran PAS pusat yang menyentuh mengenai ahli jawatankuasa tadbir dan tugasnya. Kemudian disentuh mengenai pentadbiran PAS negeri atau wilayah yang diketuai oleh seorang Pesuruhjaya serta tugasnya. Seterusnya mengenai pentadbiran PAS kawasan berserta tugasnya dan akhirnya disentuh mengenai pentadbiran PAS cawangan serta tugasnya. Dalam bab ini juga penulis menerangkan secara ringkas tentang pengertian tajuk yang dikaji, objektif penyelidikan, metodologi penulisan dan seterusnya tentang sistematika penulisan.

Seterusnya dalam Bab Kedua penulis menyentuh mengenai Islam mengangkat martabat wanita, hak wanita dalam politik menurut Islam, pandangan PAS mengenai wanita dalam politik dan latarbelakang tempat yang dikaji, iaitu negeri Terengganu termasuklah Kuala Terengganu. Disentuh juga mengenai politik Terengganu selepas merdeka, lokasi negeri, penduduk dalam negeri. Tidak ketinggalan disentuh juga mengenai perkembangan ekonomi masyarakatnya, cara pentadbiran yang dilaksanakan. Disamping itu penulis juga tidak ketinggalan untuk membincangkan serba ringkas mengenai sejarah perkembangan Islam di negeri itu bermula dari awal kedatangan Islam hinggalah hari ini, termasuk juga perkembangan pendidikan Islam.

Dalam Bab Ketiga pula, penulis menyentuh mengenai landasan teori, iaitu sejarah penubuhan Dewan Muslimat PAS, bermula daripada penubuhan Dewan Muslimat PAS Pusat, kemudian penubuhan Muslimat Negeri Terengganu dan akhirnya Muslimat Kawasan Kuala Terengganu. Seterusnya penulis menyentuh mengenai matlamat Dewan Muslimat PAS ditubuhkan dan dasar perjuangannya. Dibincangkan juga mengenai pentadbirannya, bermula dari Dewan Muslimat PAS Pusat yang dikendalikan oleh satu jawatankuasa tadbir yang diketuai oleh seorang ketua muslimat, kemudian disentuh juga mengenai pentadbiran Muslimat PAS Negeri, seterusnya muslimat kawasan, muslimat DUN yang dipanggil dengan Majlis Tindakan DUN Muslimat dan akhirnya disentuh mengenai pentadbiran muslimat cawangan.

Bab Keempat pula, penulis membincang berkenaan dengan sumbangan Dewan Muslimat PAS Kawasan Kuala Terengganu dalam bidang politik, sosial, pendidikan dan ekonomi. Pertama; penulis menyentuh mengenai sumbangnya dalam memberi kefahaman politik Islam kepada masyarakat, memberi pandangan atau membetulkan kerajaan dan sumbangnya dalam menghadapi pilihanraya. Selain dari itu penulis juga menyentuh mengenai kesedaran politik dikalangan muslimat dalam kawasan Kuala Terengganu, apakah cara ia menambah ahli. Kedua penulis menyentuh berkenaan sumbangannya dalam menjalin hubungan masyarakat, membina masyarakat yang sihat, kebajikan kepada masyarakat dan melahirkan masyarakat yang cemerlang, ketiga berkenaan sumbangannya dalam mentarbiyyah rohani, menjelaskan fahaman Islam, memberi pendidikan Islam, keempat penulis menyentuh mengenai ekonomi Dewan Muslimat PAS

Kawasan Kuala Terengganu dan sumbangnya dalam menjana ekonomi masyarakat Dalam bab ini juga penulis juga membuat analisa daripada semua program yang telah dijalankan.

Akhir sekali ialah bab kelima atau penutup. Bahagian ini mengandungi kritikan, kesimpulan dan saranan-saranan untuk membangun dan memperkukuhkan lagi gerakkerja Dewan Muslimat PAS Kuala Terengganu dalam memberi sumbangnya kepada masyarakat.